

PENGARUH JARINGAN TIMUR TENGAH DAN PATTANI TERHADAP PERKEMBANGAN ASWJ DI TANAH MELAYU¹

Oleh:

Azman Md Zain

(mzain@uum.edu.my)

Mohamad Khadafi Rofie

(khadafi@uum.edu.my)

Shukri Ahmad

(shuk434@uum.edu.my)

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti tentang pengaruh jaringan Timur Tengah dan Pattani terhadap perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Tanah Melayu. Pengaruh jaringan ini merupakan suatu yang penting dalam pembangunan dan perkembangan ASWJ dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu hingga ke hari ini. Walaupun kedatangan Islam ke Nusantara secara umum dan ke Tanah Melayu secara khusus sudah disepakati muncul pada abad ke 13 dan 14M, namun kerancakan perkembangannya hanya terasa pada beberapa abad kemudiannya. Justeru itu, kertas kerja ini akan mengenangkan perbincangan mengenai perkembangan Islam di Tanah Melayu hanya mulai rancak selepas munculnya ulama dan institusi pondok dalam kehidupan masyarakat. Wujudnya hubungan rentas sempadan antara Timur Tengah dan kawasan-kawasan tertentu di Nusantara dengan Tanah Melayu, kemunculan tokoh-tokoh ulama serta perkembangan institusi pendidikan di Tanah Melayu telah menjadi titik tolak kepada perkembangan dan kedudukan Islam berfahaman ASWJ dalam kehidupan masyarakat di Tanah Melayu.

Kata kunci: Pengaruh, Haramyn, Pattani, Ahli Sunnah wal Jamaah, Ulama.

Pengenalan

Agama Islam yang berteraskan fahaman ASWJ dikatakan telah sampai ke Tanah Melayu sekitar abad ke-12 dan 13M, namun perkembangannya selepas itu berlaku secara perlahan. Perkembangan Islam hanya berlaku secara besar-besaran bermula pada abad ke-18M, apabila proses keintelektualan dan keilmuan berkembang pesat dalam kehidupan masyarakat.

Tradisi keilmuan Islam secara formal di Malaysia atau juga dikenali sebagai Tanah Melayu pada dasarnya belum lagi wujud sebelum abad ke-17M. Ajaran Islam pada era ini dikatakan tidak diamalkan dengan sempurna. Islam dalam era ini hanya dikaitkan dengan era para wali (*The age of the saints*), di mana pelaksanaan Islam dalam kalangan masyarakat bergantung kepada ketokohan

¹Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sejarawan Asean (IAHA 2014) bertempat di TH Hotel Alor Setar, pada 23hb - 27hb Ogos 2014 anjuran Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

seorang ahli tarekat atau guru sufi yang hidup disekitarnya sahaja (Sharifah Zaleha Syed Hassan 1985).

Sebagai contoh, salah sebuah negeri di utara Tanah Melayu iaitu Kedah dikatakan masih tidak mempunyai undang-undang yang berteraskan agama Islam sebelum tahun 1667M. Pada zaman tersebut jika terdapat aktiviti pengajaran Islam sekalipun, ianya lebih tertumpu kepada kata-kata dan amalan-amalan ulama secara perseorangan yang mudah dilupai oleh masyarakat awam. Tambahan tidak ada usaha berterusan untuk mengajar masyarakat Melayu mengenai agama Islam (Shukri Ahmad 2011). Negeri Kedah juga tidak mempunyai kitab-kitab agama yang boleh disebarluaskan kepada masyarakat dan dijadikan rujukan secara meluas sebelum abad ke-17M. Selain itu, masyarakatnya juga masih mengamalkan amalan Hinduisme sehingga menjadi salah satu alasan kepada kerajaan Islam Aceh untuk menyerang dan menakluk negeri Kedah pada waktu tersebut (al-Attas 1986).

Perkembangan Islam hanya mula bersinar di Kedah dalam erti kata yang sebenar selepas tertubuhnya ‘Undang-Undang Kedah’ pada tahun 1667M. Pembentukan undang-undang ini telah banyak membantu perkembangan Islam di negeri tersebut (Sharifah Zaleha Syed Hassan 1985). Namun begitu, walaupun sudah memiliki undang-undangnya sendiri, masyarakat Islam di negeri Kedah masih mengamalkan kepercayaan animism dan Hindu-Buddha yang disesuaikan dengan ajaran-ajaran Islam. Keadaan ini hanya berkurangan pada penghujung abad ke-19M apabila muncul ulama tradisional pondok yang membantu masyarakat Islam negeri Kedah menyusun semula komponen Islam dan sistem kepercayaan yang dianuti mereka. Peningkatan pengamalan agama Islam di negeri Kedah bermula dengan kemunculan dan penglibatan ulama terutamanya dalam aspek pendidikan apabila mereka menubuhkan institusi pondok di seluruh pelosok daerah dalam negeri Kedah (Shukri Ahmad 2011).

Keadaan yang sama juga berlaku kepada masyarakat Islam di Melaka. Syihab al-Din Ahmad Ibn Majid pernah menceritakan mengenai masyarakat Islam yang hidup di sana pada kurun ke-15M (Shukri Ahmad 2002). Menurut beliau, penduduk Melaka ketika itu tidak mengamalkan budaya Islam yang sebenar sehingga sukar dibezakan antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Orang lelaki dan perempuan Islam dikatakan masih berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa menukar agama mereka. Begitu juga dalam soal pemakanan, orang Islam masih memakan daging anjing dan meminum arak di tempat-tempat terbuka dan mengamalkan penipuan (Al-Attas 1986). Justeru jika situasi tersebut berlaku di Melaka pada zaman tersebut, maka sudah tentulah keadaan yang sama turut berlaku di tempat-tempat lain, memandangkan Melaka merupakan antara negeri terawal di Tanah Melayu yang menerima pengaruh Islam.

Begitu juga dengan kawasan pantai timur Tanah Melayu seperti negeri Kelantan di mana kebanyakan topik perbincangan mengenai sejarah pengislaman negeri tersebut hanya dimulai dengan menyentuh mengenai perkembangannya pada peringkat awal secara umum, kemudiannya barulah fokus kajian tertumpu kepada perkembangan Islam di Kelantan yang bermula pada penghujung abad ke 19M dan separuh pertama abad ke 20M (Abdul Razak Mahmud 2002). Di Terengganu pula, Islam dikatakan bertapak di negeri tersebut pada penghujung abad ke-13M. Penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh awal abad ke-14M telah dijadikan asas oleh sejarawan untuk menyatakan tarikh ketibaan Islam di negeri tersebut. Namun selain daripada penemuan batu tersebut, tidak terdapat maklumat jelas mengenai perkembangan Islam di Terengganu selepas zaman tersebut sehingga abad ke-17M. Agama Islam mula berkembang pesat di

negeri tersebut dengan kelahiran seorang tokoh ulama yang bergelar Tok Pulau Manis (Anwar Zainal Abidin 2006).

Justeru itu, perbincangan mengenai perkembangan Islam di Tanah Melayu hanya mulai rancak selepas munculnya ulama dan institusi pondok dalam kehidupan masyarakat. Walaupun kedatangan Islam ke Nusantara secara umum dan ke Tanah Melayu secara khusus sudah disepakati muncul pada abad ke-13 dan 14M, namun kerancakan perkembangannya hanya terasa pada beberapa abad kemudiannya. Wujudnya hubungan rentas sempadan antara Timur Tengah dan kawasan-kawasan tertentu di Nusantara dengan Tanah Melayu, kemunculan tokoh-tokoh ulama serta perkembangan institusi pendidikan di Tanah Melayu telah menjadi titik tolak kepada perkembangan dan kedudukan Islam berfahaman ASWJ dalam kehidupan masyarakat.

Pengaruh Haramayn

Perkembangan agama Islam yang berteraskan kepada fahaman ASWJ di Malaysia jika diteliti dan diperhalusi, memperlihatkan rantaian hubungan dan jaringan awal yang erat dengan peranan keilmuan Haramayn sebagai tempat menunaikan ibadah haji dan pusat penyebaran pendidikan Islam yang ulung di dunia suatu ketika dahulu (Shukri Ahmad, 2011). Haramayn yang menempatkan dua kota suci umat Islam iaitu Mekah dan Madinah menjadi pusat utama penghasilan ulama dalam tradisi keilmuan Islam sejak dari abad ke-15M lagi. Selain daripada Haramayn, wujud juga hubungan rentas sempadan antara perkembangan Islam di Tanah Melayu dengan pemikiran Islam di Mesir terutamanya pada awal abad ke-20M (Noor Naemah Abd Rahman & Mohamad Nabil Mohammad Shukri, 2012). Di Nusantara pula, wilayah Patani juga mempunyai pengaruh besar kepada perkembangan keilmuan Islam di Tanah Melayu terutamanya di kawasan sebelah utara seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Justeru, jika diamati sejarah perkembangan keilmuan Islam yang muncul di Alam Melayu pada fasa awal dan fasa pengukuhannya, maka sudah pasti boleh diperakui bahawa sebahagian besar pengaruhnya datang daripada Semenanjung Tanah Arab khususnya dari Haramayn yang menempatkan kota Mekah dan Madinah (Md Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman 2000). Haramayn telah diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan dan perkembangan ilmu-ilmu Islam yang terkenal di seluruh pelusuk dunia Islam dan ianya termasuklah Alam Melayu. Azyumardi Azra pernah menegaskan bahawa:

“Al-Haramayn setidak-tidaknya sejak awal kurun ke-16 telah berperanan sebagai pusat wacana pemikiran intelektual keagamaan Islam. Perpecahan dan kemunduran dinasti-dinasti Muslim di Timur Tengah, khususnya sejak kurun ke-13, telah mendorong Makkah dan Madinah bangun kembali menjadi salah satu pusat terpenting *religio-intellectual discourse* Islam. Walaupun secara kuantiti, institusi-institusi wacana intelektual keagamaan di Makkah dan Madinah tidak mampu menandingi apa yang dimiliki oleh Baghdad ataupun Kairo, kedudukannya yang strategik sebagai pusat kelahiran dan pertumbuhan awal Islam serta tempat umat Islam menunaikan ibadah haji dan ziarah suci telah memberikan kelebihan tersendiri dan nilai tambah yang signifikan terhadap pemikiran Islam yang dikembangkannya”

Perkembangan keilmuan di Haramayn boleh dilihat melalui kewujudan madrasah-madrasah sebagai wahana pendidikan utama umat Islam suatu masa dahulu. Namun begitu dari segi sejarahnya, sebelum wujudnya institusi madrasah ini, pendidikan Islam sejak zaman nabi Muhammad saw telah

berlangsung di masjid-masjid dan rumah guru. Proses pendidikan dilaksanakan dalam *halaqah*, *majlis al-tadris*, dan *kuttab* (Munirudin Ahmed 1968). Pada tahun 1067M, pemerintah Bani Saljuk bernama Nizam al-Muluk telah mendirikan madrasah pertama di Baghdad. Madarasah ini dikenali sebagai Madrasah Nizamiyyah. Ianya berperanan sebagai panji mempertahan dan mengembangkan fahaman Islam ASWJ yang berteraskan kepada doktrin Asya'irah dalam teologi dan ajaran Imam al-Syafi'e dalam fiqh (Naji al-Ma'ruf 1973).

Selepas membina Madrasah Nizhamiyyah, Nizam al-Muluk mendirikan pula madrasah-madrasah di Basrah dan Mosul di Iraq, Isfahan, Nisaypur, Merv, Balkh dan Heart di Iran. Kemudian pembinaan madrasah telah merebak ke kawasan lain di Timur Tengah dan ianya termasuklah di kota Makkah dan Madinah. Madrasah-madrasah ini telah berfungsi sebagai institusi penyebaran ilmu dan juga menjadi tempat utama menghasilkan ulama-ulama terkemuka. Sehingga akhir abad ke-13M, madrasah-madrasah ini menjadi wahana utama kebangkitan doktrin ASWJ (Azyumardi Azra 1994).

Menurut sejarawan Islam Taqi al-Din al-Fasi al-Makki al-Maliki, madrasah pertama yang dibangunkan di Mekah adalah *Madrasah al-Ursufiyyah*. Ianya dibina berdekatan dengan *Bab Umrah*, bahagian selatan *Masjid al-Haram* pada tahun 1175M oleh Afif Abd Allah Muhammad al-Ursufi. Madrasah ini mempunyai sebuah *ribath* yang dikenali sebagai ribath Abi Ruqaibah. Sejak pembangunan madrasah ini sehingga ke awal abad ke-17M, terdapat sekurang-kurangnya 19 madrasah di Mekah (Azyumardi Azra 1994). Manakala di Madinah, seorang pengembara Andalusia bernama Ibn al-Jubayr telah menyatakan bahawa sudah ada sesi perkuliahan di Madinah sejak tahun 1183M. Al-Fasi pernah meriwayatkan bahawa sudah terdapat sebuah madrasah yang diberi nama *Madrasah A'zham Syah* di Madinah yang dibina dalam waktu yang hampir sama dengan madrasah yang wujud di Mekah. Madrasah ini terletak di *Bab al-Salam* di dalam kawasan Masjid al-Nabawi. Salah seorang sejarawan Muslim yang terkenal iaitu Syam al-Din al-Sakhawi, pernah membuat catatan di dalam kamus biografinya dengan menyatakan bahawa sebelum abad ke-15M sudah terdapat sekurang-kurangnya lapan madrasah yang beroperasi di Madinah (Azyumardi Azra 1994).

Selain daripada kewujudan madrasah, al-Haramayn juga telah menyaksikan pertumbuhan pesat *ribath* dan *zawiyah* terutamnya sekitar abad ke-16 dan 17M. Menurut al-Fasi terdapat lebih daripada 50 *ribath* di sekitar Masjid al-Haram, Mekah manakala al-Sakhawi pula menjelaskan bahawa di Madinah pula terdapat tidak kurang daripada 30 *ribath* di sana (al-Sakhawi).

Dalam aspek pengurusan, sistem madrasah yang wujud ini telah ditadbir secara sistematik. Setiap madrasah mempunyai ketua, guru-guru, qadhi-qadhi, dan pegawai-pegawai lain yang dilantik secara rasmi. Madrasah-madrasah ini mempunyai kurikulum yang tersendiri, bilangan pelajar yang tertentu serta jadual waktu pembelajaran yang tersusun. Madrasah juga mempunyai empat bahagian yang merujuk kepada empat mazhab utama dalam ASWJ. Sebagai contoh, *Madrasah al-Ghiyatsiyyah* dikatakan mempunyai jumlah pelajar seramai 20 orang untuk setiap mazhab. Para pelajar dalam jurusan mazhab Syafi'e dan Hanafi melangsungkan pembelajaran mereka pada waktu pagi, manakala para pelajar Maliki dan Hanbali pula belajar pada waktu petang. Situasi ini juga turut berlaku kepada *Madrasah Sulaymaniyyah* yang mempunyai persamaan dengan *Madrasah al-Ghitisaniyyah* (Azyumardi Azra 1994).

Memandangkan Haramayn telah menjadi pusat intelektual dunia Islam ketika itu, maka terdapat ramai ulama, ahli sufi, ahli falsafah, penyair, pengusaha dan ahli sejarah Muslim bertemu dan saling bertukar maklumat dan ilmu pengetahuan. Selain itu, Makkah dan Madinah juga didatangi oleh umat Islam di seluruh dunia untuk menunaikan ibadah haji di sana. Antara mereka terdiri daripada orang-orang Melayu yang telah datang sejak abad ke-16M lagi ketika hubungan antara Alam Melayu dan Timur Tengah mencapai kemuncaknya terutama dalam aspek hubungan politik dan perdagangan (Azyumardi Azra 1994). Namun begitu, penduduk Tanah Melayu dikatakan mula berkunjung secara beramai-ramai ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji pada abad ke-17M dan paling ketara pada suku terakhir abad ke-19M (Sharifah Zaleha Syed Hassan 1985 & Gullick 1987).

Melalui ibadah haji inilah berlakunya proses interaksi antara orang Melayu dengan ulama di Haramayn. Dalam kalangan mereka ada yang mengambil kesempatan untuk tinggal menetap dan menuntut ilmu agama dengan guru-guru di sana. Selepas menguasai ilmu-ilmu keagamaan, mereka telah diiktiraf sebagai ulama. Dalam kalangan mereka ada yang menjadi tenaga pengajar di sana dan ada juga yang kembali ke Alam Melayu untuk mengembangkan agama Islam berteraskan ASWJ dengan menubuhkan institusi pendidikan tradisional pondok (Shukri Ahmad 2011).

Pengaruh dan kesan perhubungan keilmuan antara Alam Melayu dengan Haramayn ini sangat kuat sehingga sebarang perubahan pemikiran Islam di Asia Tenggara termasuk di Tanah Melayu dikaitkan dengan tradisi keilmuan di Haramayn (Hurgronje 1931). Justeru pengaruh intelektual dari Mekah dan Madinah ini telah mengalir ke Nusantara dan Tanah Melayu secara khusus melalui penghasilan pelbagai bentuk penulisan yang berkaitan dengan fatwa dan haji, pengamalan tarekat dan idea ulama yang menjadi guru di Mekah dan Madinah (Mc Donell 1986 & Hasan 1999). Azyumardi Azra (1997) ketika menyentuh mengenai peranan al-Haramayn sebagai pusat keilmuan dan dakwah Islam serta kaitannya dengan keilmuan dan dakwah di rantau Alam Melayu telah menyatakan:

“Al-Haramayn sebetulnya telah memainkan watak yang sangat penting dalam pembentukan tradisi kecendekiawanan Islam di Alam Melayu. Tradisi pembaharuan keagamaan dalam wilayah ini bermula daripada lingkaran kelompok para ulama di Haramayn yang kemudiannya dialihkan ke Alam Melayu melalui para ulama Jawi yang pernah menuntut di sana...”

Para pelajar Jawi (Melayu) yang mendapat pendidikan di Haramayn merupakan agen penggerak utama kepada pembinaan tradisi keintelektualan dan keilmuan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Mereka menjadi penghubung utama tradisi keintelektualan dan keagamaan antara pusat-pusat pengajian Islam di Timur Tengah dengan Alam Melayu. Pelajar-pelajar ini kemudiannya pula telah berperanan membangunkan sebahagian daripada kawasan-kawasan tertentu di Alam Melayu seperti Aceh, Patani dan beberapa kawasan di Tanah Melayu terutamanya di sebelah utara Semenanjung sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan Islam setempat melalui pembinaan institusi pondok (M. Kamal Hassan 1996).

Seterusnya sumbangsih terpenting Haramayn dalam tradisi keilmuan dengan Alam Melayu khususnya Tanah Melayu adalah dalam bentuk pemikiran agama yang menggunakan pendekatan keagamaan saling menyesuaikan yang selari dengan fahaman ASWJ. Pendekatan ini menggabungkan antara fahaman *ahl al-Syari'ah* (fiqh) yang melibatkan ilmu-ilmu seperti fiqh, tauhid, hadith dan tafsir dengan fahaman *ahl al-Haqiqah* (sufi) yang ditunjangi oleh ilmu-ilmu tasawuf yang diambil dari

kitab-kitab karangan imam al-Ghazali. Gabungan ilmu-ilmu ini dipelajari dan diperaktiskan oleh ulama tradisional Tanah Melayu yang telah diambil dari ulama Haramayn (Shukri Ahmad 2011). Justeru boleh dikatakan bahawa pada abad ke-19M, Haramayn telah menjadi pusat utama pembentukan pemikiran ulama tradisional Alam Melayu dan juga memungkinkan pola pemikiran masyarakat Islam di Tanah Melayu.

Pengaruh Mesir

Selepas Haramayn, Mesir telah menjadi tempat untuk menuntut ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar yang datang dari seluruh dunia Islam termasuk Tanah Melayu. Mesir menjadi pusat baru bagi pelajar untuk mendalamai ilmu agama yang berkaitan dengan fahaman ASWJ. Terdapat pelbagai pandangan mengenai peranan Mesir sebagai pusat pengajian keagamaan yang berprestij dalam kalangan orang Melayu. Peranan Mesir dikatakan hanya mula menonjol dan mendapat perhatian langsung dalam kalangan orang Melayu pada era 1920-an iaitu semasa zaman pasca Perang Dunia Pertama (Md Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman 2000).

Walaupun begitu, terdapat juga pandangan lain menyatakan bahawa hubungan Mesir dengan Tanah Melayu sudah wujud secara tidak langsung dan kurang ekstensif sebelum period yang disebutkan di atas (Noor Naemah Abd Rahman & Mohammad Nabil Mohammad Shukri 2012). Menurut Omar Awang (1981), pengaruh teks-teks mazhab al-Syafie terhadap pemikiran dan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat Melayu sudahpun wujud sejak sekian lama. Sebagai contoh sebahagian teks tersebut seperti *al-Umm*, *Manhaj al-Tullab*, *Mughni al-Muhtaj* merupakan karya penulisan ulama-ulama Syafi'e yang berpusat di Mesir. Teks-teks ini telah dijadikan sebagai silibus pengajian di institusi-institusi pondok dan rujukan dalam pengeluaran fatwa tempatan. Selain itu, teks-teks ini juga dijadikan sebagai bahan rujukan untuk penulisan kitab-kitab jawi oleh ulama-ulama tempatan seperti Syeikh Daud al-Fathani, Sheikh Ahmad al-Fathani dan lain-lain (Ahmad Ibrahim & Mahmud Saedon et al 1990).

Hubungan keilmuan antara Mesir dengan masyarakat Melayu dikatakan bermula apabila adanya pelajar Melayu yang pergi ke Kaherah untuk melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar. Antara pelajar terawal yang belajar di universiti tersebut ialah Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Ismail Che Daud 2001). Beliau seterusnya dikatakan telah membuat gesaan dan galakan kepada para pelajar Melayu yang telah menamatkan pengajian di Mekah supaya meneruskan pengajian mereka di Mesir pula (Noor Naemah Abd Rahman & Mohamad Nabil Mohamad Shukri 2011).

Selain daripada Sheikh Ahmad Fatani, para pelajar lain turut berperanan memperkenalkan Universiti al-Azhar kepada masyarakat Melayu sebagai institusi pendidikan yang terulung. Mereka telah menggunakan saluran majalah 'Neracha' dan 'Pengasuh' untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat supaya melanjutkan pengajian ke Mesir (Md Sidin Ahmad & Mohamad Redzuan Othman 2000). Kerancakan penghantaran pelajar Melayu ke Al-Azhar juga disebabkan oleh kemunculan dan perkembangan sistem madrasah yang diasaskan oleh para lulusan Mesir yang awal di Tanah Melayu terutamanya pada awal abad ke-20M. Universiti al-Azhar telah menjadi tumpuan pelajar lulusan madrasah tempatan kerana kedua-duanya dianggap selari. Tambahan pula sistem pengajian di Al-Azhar dikatakan telah berbeza dengan sistem pengajian tinggi tradisional di Haramayn pada waktu itu.

Dalam konteks hubungan antara Mesir dengan Malaysia dan kaitannya dengan perkembangan ASWJ, manifestasinya boleh dikesan apabila berlakunya beberapa pembaharuan besar dalam sejarah keintelektualan Islam. Kemunculan tokoh-tokoh ulama pendidik, ulama pentadbir dan ulama pengarang yang berpendidikan dari Mesir telah berjaya membawa wadah dan arah baru kepada corak pemikiran Islam Sunni (ASWJ) di Malaysia (Shukri Ahmad 2011).

Pengaruh Patani

Selain daripada Haramayn dan Mesir, terdapat juga institusi pendidikan di Nusantara yang dikunjungi oleh para pelajar Melayu. Peranan wilayah Patani sebagai contoh terhadap perkembangan fahaman ASWJ di Tanah Melayu tidak boleh disangkalkan memandangkan wilayah tersebut dan Tanah Melayu terutamanya di negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah merupakan wilayah yang sangat berdekatan dan akrab (Noor Naemah Abd Rahman & Mohd Nabil Mohd Shukri 2011). Sebagai contoh, dalam konteks historiografi politik negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Patani, wujud hubungan yang sangat rapat antara ketiga-tiga negeri berkenaan sehingga dalam kurun ke-17M, wilayah-wilayah tersebut pernah bersatu dalam sebuah kekuasaan politik di bawah nama Patani Besar (Abdul Razak Mahmud 2000).

Antara sumbangan utama wilayah Patani dalam perkembangan pemikiran Islam ASWJ di Tanah Melayu adalah fungsinya sebagai pusat pengajian persediaan bagi pelajar Tanah Melayu dan Nusantara. Patani menjadi tempat para pelajar memperolehi orientasi pendidikan pra-Haramayn yang menyediakan para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tersebut. Ini bermakna, terdapat para pelajar yang berkunjung ke wilayah tersebut terlebih dahulu sebelum meneruskan perjalanan ke Haramayn untuk mendalami ilmu agama.

Hubungan keilmuan antara Patani dan Tanah Melayu juga dapat dilihat melalui hubungan timbal balik antara kedua-duanya dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, penghijrahan ulama Patani ke Tanah Melayu, pemergian ulama Tanah Melayu ke Patani, pengajian ulama Patani dengan ulama Tanah Melayu di Mekah dan sebagainya merupakan manifestasi wujudnya hubungan antara kedua-dua wilayah tersebut (Samsu Adabi Mamat 2001).

Selain daripada itu, Patani juga telah menjadi rujukan sebagai pusat pendidikan Islam yang sistematik kepada Tanah Melayu terutamanya negeri-negeri seperti Kedah dan Kelantan. Sistem pengajian pondok dan halaqah yang wujud di Patani telah diadaptasi ke dalam sistem pengajian pondok dan halaqah pengajian kitab di utara Tanah Melayu (Rahimin Afandi Abdul Rahim 2001). Melalui penghijrahan ulama Patani ke Tanah Melayu akibat daripada ketidakstabilan politik di wilayah tersebut juga telah menyebabkan institusi pondok berkembang dengan pesat. Sekitar penghujung abad ke-19 dan awal abad ke 20M, sistem pengajian pondok ini telah menjadi terkenal di negeri seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang (Numan Hayimasa 2011).

Kesimpulan

Sebagai rumusan, Haramayn, Mesir dan Patani merupakan wilayah-wilayah yang begitu berpengaruh dalam mengembangkan pemikiran dan fahaman Ahl al-sunnah wa al-Jamaah di Malaysia. Setiap satu daripada kawasan tersebut mempunyai gaya dan peranan tersendiri dalam memperkuatkan sejarah perkembangan Islam yang berteraskan ASWJ di Malaysia. Haramayn telah menjadi pusat keintelektualan ilmu dalam kalangan pelajar dari Tanah Melayu pada abad ke-19M dan ke bawah. Haramayn telah menjadi pusat melahirkan ramai ulama tradisional Tanah Melayu yang berwibawa dan terkemuka. Mesir pula, bermula pada abad ke-20M telah menjadi pilihan pelajar dari Malaysia untuk menuntut ilmu pengetahuan. Mesir telah menggantikan Haramayn sebagai tempat mendapatkan ilmu pengetahuan dan melahirkan tokoh-tokoh ulama baru. Ilmuwan-ilmuwan yang pulang dari Mesir telah membawa satu pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Islam di Malaysia. Manakala Patani pula menjadi destinasi pilihan pelajar dari Tanah Melayu untuk disinggahi sebelum mereka meneruskan perjalanan ke Timur Tengah terutamanya di Haramayn untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Bibliografi

- Abdul Razak Mahmud. 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan: Tanah Serendah Sekebun Bunga*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ahmad Ibrahim & Mahmud Saedon et al. 1990. "Islamization of The Malay Archipelago and the Impact of al-Shafiis Madhab on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia," dalam Research Papers of the Symposium on the Commemoration of the Twelfth Centenary of the Death of Imam al-Shafii, Kuala Lumpur, Malaysia, 13-15 August, ISESCO.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1986. *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture.
- Anwar Zainal Abidin 2006). *Pendidikan Masyarakat Islam di Terengganu Sebelum abad ke 20M*. Dlm Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM
- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Edisi Pertama. Jakarta: Penerbit Mizan
- Azyumardi Azra. 1996. *Pergolakan Politik Islam: Dari Fundamentalisme, Modernisme hingga Post modernisme*. Jakarta: Centre for the Study of Islam and Society (CENSIS), IAIN.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay Society in the late nineteenth century*. Singapore: Oxford University Press.
- Hasan Madmarn. 1999. *The Pondok and madrasah in Patani*. Bangi: UKM.
- Hurgronje, C.S. 1931. *Mecca in the latter part of the 19th century*. Leyden: Brill
- Ismail Che Daud. 2001. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- M. Kamal Hassan. 1996. *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society, Some Critical Observations*. Petaling Jaya: ABIM

Mc Donell, Mary Byrne. 1986. *The Conduct of Hajj from Malaysia and its socio-economic impact on Malay society: A descriptive and analytical study, 1968-1991*. (Unpublished doctoral dissertation) Columbia University.

Md Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman. 2000. *The Malays in the Middle East: with a bibliography of Malay printed works published in the Middle East*. KL: Penerbit UM

Munirudin Ahmed. 1968. *Muslim education and the scholars' social status up to the 5th century Muslim era (11th century Christian era) in the light of Ta'rikh Baghdad*. Zurich

Noor Naemah Abd Rahman&Mohamad Nabil Mohamad Shukri. 2012. *Hubungan rentas sempadan dan pengaruhnya terhadap pembentukan pemikiran hukum Islam di Kelantan*. http://www.myjurnal.my/public/issue-view.php?id=1806&journal_id=67

Naji al-Ma'ruf. 1973. *Madaris qabl al- Nizhamiyah*. Baghdad: Mathba'at al-Jam-IIm al-Iraqi.

Numan Hayimasa. 2011. *Jaringan Ulama Patani Dengan Utara Semenanjung Tanah Melayu Abad ke-18 dan 19M*. www.myjurnal.my/public/article-download.php?id=7066

ÝRahimin Afandi Abdul Rahim. 2001. "Orientalisme dan keutuhan ummah Islam: satu analisis", dalam Jurnal Syariah, v. 9, bil. I.

Sharifah Zaleha Syed Hassan. 1985. *From saints to bureaucrats: A study of the development of islam in the State of kedah Malaysia*. (Unpublished Doctoral dissertation). Cornell University

Shukri Ahmad. 2002. *Ulama dan Peranan Mereka di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20*. Tesis Ph.D (Tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Shukri Ahmad. 2011. *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Samsu Adabi Mamat. 2001."Sumbangan Ulama Patani Terhadap Pendidikan Ulama Tanah Melayu (Malaysia) Awal Abad Ke-20," (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani, di Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001 – 26-27 Safar 1422H, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand